

# 'Kejayaan ini untuk Malaysia'

Oleh YULPISMAN ASLI

**SEPANG** 25 April - Penjelajah kutub, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir yang selamat tiba di tanah air hari ini, menyifatkan kejayaan beliau menamatkan misi penuh mencabar di Kutub Utara sebagai 'hadiah' sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50 tahun, Ogos ini.

Beliau menitikkan air mata di hadapan kira-kira 500 hadirin yang menunggu kepulangannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berkata, kejayaan itu mustahil dicapai tanpa sokongan dan dorongan oleh pelbagai pihak termasuk pemimpin negara.

Menurutnya, walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesukaran, namun berkat doa dan semangat yang diberikan oleh rakyat Malaysia, beliau bertekad untuk menamatkan misi tersebut lebih awal.

"Terima kasih kepada semua pihak. Kejayaan ini untuk semua, untuk Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucapan

UM-26/4/2007.  
**Kejayaan tersebut merupakan kejayaan negara kerana ia diperoleh hasil sokongan rakyat dari segi material dan moral di pelbagai peringkat**

ringkas kepada orang ramai yang menunggu kepulangan beliau seawal pukul 6 pagi di KLIA di sini, hari ini.

Sharifah Mazlina berjaya menamatkan misinya itu lima hari lebih awal berbanding jadual asal selama dua minggu.

Kejayaan itu menjadikan beliau wanita Asia pertama berjaya merentasi Kutub Utara dan Selatan. Ia sekali gus dimasukkan ke dalam *Malaysia Book of Records*.

Ekspedisi tersebut bermula dari sebuah kem di kawasan ais hanyut pantai Artik di pangkalan Borneo bermula 9 April lalu.

Beliau terpaksa menempuh keadaan sukar di kawasan paling sedikit diterokai manusia dan merentasi benua Artik ke kawasan 'hujung dunia' dalam tempoh

kira-kira sebulan.

Ketika ditemui pemberita kemudiannya, Sharifah Mazlina berkata, kejayaan tersebut merupakan kejayaan negara kerana ia diperoleh hasil sokongan rakyat dari segi material dan moral di pelbagai peringkat.

Malah, beliau melahirkan rasa syukur kerana dasar negara yang memberi banyak ruang kepada golongan wanita hingga membolehkan 'misi mustahil' tersebut dapat dilaksanakan dengan jaya.

"Kalau saya bukan dari Malaysia, mungkin tidak ada peluang. Ini kerana, sistem negara kita banyak memberi peluang kepada wanita (untuk berperanan)," jelasnya.

Mengenai ekspedisi tersebut, Sharifah

**SHARIFAH MAZLINA SYED ABDUL KADIR**  
Penjelajah kutub

Mazlina yang berpuas hati dengan kejayaan itu menjelaskan, ia bakal memberi dorongan dan banyak manfaat kepada rakyat negara ini terutama hasil daripada beberapa kajian yang dijalankan semasa berada di Kutub Utara.

Antaranya, kajian mengenai faktor pemakanan dan pengambilan sejenis vitamin berkaitan vaskular yang boleh digunakan untuk membantu para atlet dan ramai pesakit khususnya golongan wanita.

Ditanya mengenai rancangannya selepas ini, wanita yang disifatkan sebagai 'wirawati' negara itu memberitahu, selepas ini beliau ingin berehat dan berkongsi pengalaman menjelajah Kutub Utara dengan seramai mungkin rakyat Malaysia.

Ini termasuk kemungkinan menerbitkan buku mengenai suka-duka ekspedisi menjelajah kutub itu untuk bacaan umum.

"Saya ada terlalu banyak cerita untuk dikongsi," katanya.

Beliau turut menyatakan kesediaannya melatih generasi muda menjelajah Kutub Utara dan Antartika, seterusnya berkhidmat untuk negara.